



**TEKS UCAPAN**

**YB DATUK SERI DR RONALD KIANDEE  
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

**SEMPENA**

**MAJLIS MAKAN MALAM DAN PERASMIAN MESYUARAT  
AGUNG TAHUNAN NAFAS KE-48 BAGI TAHUN 2021**

**18 MEI 2022 (RABU) | 8:30PM**

**DEWAN MERDEKA, WTCKL**

**[SALUTASI RUJUK ROSRUM UNTUK YANG TERKINI]**

Terima Kasih saudara Pengacara Majlis.

**Salam Sejahtera, Salam Keluarga Malaysia dan Salam Keluarga Peladang**

**YANG AMAT BERHORMAT DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB**  
**Perdana Menteri Malaysia**

**YANG BERHORMAT DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH**  
**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I**

**YANG BERHORMAT DATUK DR NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI SALLEH**  
**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II**

**YANG BERBAHAGIA DATO' HASLINA BINTI ABDUL HAMID**  
**Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan**

**YANG BERHORMAT DATO' CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI**  
**Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)**

**YANG BERBAHAGIA DATO' ZAMRI BIN YAAKOB**  
**Pengerusi Jemaah Pengarah NAFAS**

**Para perwakilan - ahli-ahli Peladang**

**Rakan-Rakan Media**

## Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

1. Pertamanya, syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) atas penganjuran **Majlis Makan Malam serta Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-48** ini.
2. Kita cukup bertuah Majlis ini diserikan lagi dengan kelapangan dan kesudian hadir **YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob** yang bagi saya ia merupakan satu penghormatan kepada seluruh ahli-ahli Peladang dan mencerminkan bahawa warga Peladang sangat dekat di hati YAB Perdana Menteri.
3. Saya yakin dengan sokongan dan komitmen berterusan warga Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bersama NAFAS dan pemain-pemain industri, kita akan dapat **terus memartabatkan sektor agromakanan negara, selari dengan hasrat kerajaan dan semangat Keluarga Malaysia.**

## Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

4. Seperti yang dimaklumkan oleh Dato' Pengerusi NAFAS sebentar tadi, tahun ini merupakan tahun yang istimewa bagi NAFAS seiring dengan sambutan **Jubli Emas - 50 tahun sambutan penubuhan NAFAS.**
5. Bagi pihak MAFI, sesungguhnya NAFAS merupakan sebuah entiti berkaitan pertanian yang telah **berjaya mencapai misi dan visinya dalam menerajui hampir 1 juta ahli Peladang yang berdaftar di bawahnya.**
6. Tidak dapat dinafikan bahawa NAFAS dalam tempoh **50 tahun** ini telah berdepan dengan pelbagai cabaran, namun tidak pernah alpa dalam memastikan **kebajikan serta kesejahteraan ahli-ahlinya yang terdiri daripada 279 PPK dan 14 PPN,** sekaligus terus mengembangkan dan memajukan sektor pertanian negara secara keseluruhannya.
7. NAFAS juga telah diberi kepercayaan untuk menjalankan beberapa program Kerajaan dalam membangunkan ekonomi peladang seperti **Skim Subsidi Baja Padi (SBPKP), Insentif Pengeluaran Padi (SIPP), Skim Baja Racun Padi Bukit (SBRPB) serta Kontrak Panel Berpusat** bagi pembekalan ayam mentah.
8. NAFAS melalui syarikat-syarikat subsidiari juga telah **menunjukkan perkembangan positif dengan memperoleh keuntungan Pertubuhan dan Kumpulan bagi tahun 2020** seperti yang dimaklumkan oleh Dato' Pengerusi. **Tahniah diucapkan!**

## Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

9. Selari dengan hasrat MAFI bagi menjadikan sektor pertanian dan industri makanan sebagai penyumbang utama ekonomi negara, pelbagai program dan pendekatan baharu telah dirangka sepanjang tahun ini bagi **meningkatkan pengeluaran dan memastikan bekalan makanan negara mencukupi sepanjang masa.**
10. MAFI sedang terus mengorak langkah menerajui **Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) bagi memodenkan industri pertanian negara sejajar dengan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030** bagi memastikan sektor agromakanan berdaya saing dan mampan melalui dasar-dasar utama Kerajaan iaitu Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Agenda Pembangunan Mampan 2030 dan Rancangan Malaysia Lima Tahun.
11. **Program SMART SBB umpamanya adalah manifestasi aspirasi Kerajaan sebagai hala tuju baharu industri padi dan beras negara** yang sedang giat dilaksanakan oleh MAFI bagi meningkatkan produktiviti dalam mencapai SSL beras 75 peratus sebagaimana yang ditetapkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).
12. Malah, NAFAS juga telah menjadi salah satu syarikat peneraju bagi Program SMART SBB. **Sokongan NAFAS bersama-sama rantaian Pertubuhan Peladang – PPN dan PPK** adalah penting dalam merealisasikan hasrat Kerajaan bagi menjamin bekalan makanan negara.
13. Saya juga menyeru Ahli Jemaah Pengarah NAFAS bersama-sama pengurusan tertinggi NAFAS untuk terus **bergerak dengan MAFI sebagai sebuah pasukan untuk memberikan khidmat yang terbaik demi kelangsungan prestasi sektor agromakanan negara.**

## Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

14. Sektor agromakanan berdepan dengan pelbagai risiko dan cabaran di peringkat global mahupun domestik, malah kesannya semakin dirasai sekarang. Ini termasuk cabaran **pertambahan populasi, produktiviti dan inovasi pertanian, kos input pertanian, sumber tanah dan air yang terhad, perubahan iklim dan ancaman bencana alam, serangan penyakit dan perosak, kekurangan penglibatan belia dan tahap adaptasi teknologi dan mekanisasi yang rendah.**
15. Tambahan pula, **perkembangan geopolitik seperti konflik Ukraine-Russia yang masih berlarutan serta polisi sifar Kerajaan negara China dalam mengekang penularan varian Omicron COVID-19** pastinya memberi kesan berganda ke atas sistem bekalan makanan dunia selain **meningkatkan kos logistik dan input pertanian.**

16. Pada masa yang sama, **dasar-dasar perlindungan (*protectionist policies*)** yang diamalkan oleh beberapa buah negara turut memberi tekanan terhadap rantaian bekalan makanan.
17. Melangkah ke hadapan, cabaran-cabaran ini perlu ditangani secara inklusif supaya sistem makanan negara lebih **berdaya tahan dan mampan, terutama sebagai persediaan menangani apa jua krisis semasa atau yang mungkin berlaku pada masa akan datang.**
18. Hari ini, YAB Perdana Menteri juga telah mengumumkan **berkenaan keputusan Kerajaan yang telah bersetuju untuk membatalkan keperluan *Approved Permit (AP)* bagi mengimport bahan makanan yang berkuat kuasa serta merta.** Ini antara usaha Kerajaan dalam memastikan kelangsungan bekalan makanan negara khususnya dengan mengambil kira cabaran dan situasi semasa yang mengancam sekuriti makanan negara.
19. Dalam hal ini, NAFAS juga sebagai satu entiti yang menjadi pemegang taruh institusi peladang dan ahli peladang dalam negara perlu bersama mendokong aspirasi Kerajaan bagi **memperkasakan sektor agromakanan dengan mendepani cabaran-cabaran semasa termasuk melalui penglibatan yang lebih agresif dalam keseluruhan rantaian nilai agromakanan.**
20. Penglibatan dan peranan NAFAS untuk menerajui keseluruhan rantaian nilai agromakanan ini perlulah dilihat dalam ruang lingkup yang lebih luas, **termasuk dengan kerjasama pihak swasta secara perkongsian pintar dan meningkatkan usaha mentransformasikan pertanian ke arah digitalisasi yang lebih moden.** Di peringkat aktiviti Pertubuhan Peladang sendiri, saya percaya jika digabungkan dengan pendekatan yang lebih strategik, **Pertubuhan Peladang mampu menguasai pasaran dan sektor perniagaan yang lebih besar merentasi semua subsektor agromakanan.**
21. Sehubungan dengan itu, MAFI juga menyambut baik dan menyokong penuh usaha NAFAS **membangunkan pengeluaran dan pengkomersialan Benih Padi Hibrid NAFAS** yang dilaksanakan bersama-sama agensi Kerajaan dan syarikat-syarikat swasta bagi manfaat para pesawah seluruh negara yang dijangka bermula pada musim pertama 2023.
22. Pelbagai pembaharuan dan transformasi yang telah kita laksanakan bagi terus memperkasakan NAFAS dan Pertubuhan Peladang di setiap peringkat sepanjang dua (2) tahun ini, dan saya yakin banyak lagi yang akan dapat kita lakukan bersama-sama bagi terus **memperkasakan rangkaian Pertubuhan Peladang di seluruh negara yang bergabung di bawah NAFAS.**

## **Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

23. Tahun ini adalah tahun pemilihan bagi NAFAS. Kepada semua perwakilan, saya harap anda akan terus memilih **Ahli Jemaah Pengarah yang berkemampuan, telus dan ikhlas untuk membawa NAFAS ke tahap yang lebih kukuh.**
24. Ahli Jemaah Pengarah dan Pengurusan NAFAS mesti terus berganding bahu dalam memastikan NAFAS kekal relevan melalui komitmen bekerja secara berpasukan. **Pengurusan NAFAS adalah tunggak kepada NAFAS untuk lebih berjaya di masa yang akan datang.**
25. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan Syabas dan Tahniah kepada NAFAS kerana setiap tahun tidak pernah mengecewakan para pelabur **Skim Pelaburan Khas Peladang (SPKP), Dana Peladang Kebangsaan.**
26. Seperti yang saya katakan sebelum ini, **MAFI dan NAFAS berpisah tiada – kita akan terus bekerjasama atas semangat Keluarga Peladang.** Kerajaan di bawah pimpinan YAB Perdana Menteri akan terus menyokong apa jua usaha NAFAS bagi memperkasakan Pertubuhan Peladang menjadi sebuah entiti yang kompeten dan berdaya maju dalam industri agromakanan negara.
27. Mengakhiri ucapan, saya sekali lagi merakamkan ucapan setinggi tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada **YAB Perdana Menteri kerana sudi meluangkan masa bersama-sama warga Peladang.**

Sekian. Terima Kasih.